



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
JABATAN STANDARD MALAYSIA

1 JUN 2022

**DOKUMEN STANDARD BAHARU DILULUSKAN DALAM MEMACU INDUSTRI
AUTOMOTIF**

CYBERJAYA, 1 Jun 2022 - Senarai baharu dokumen Malaysia Standard (MS) yang dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah diluluskan berdasarkan Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549) oleh Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali baru-baru ini.

Daripada senarai tersebut, MS 2723:2022 iaitu *Palm methyl esters (PME) diesel vehicle- Laboratory and on-road test procedure* berjaya dibangunkan bagi mewujudkan metodologi ujian kenderaan dengan menggunakan diesel PME dalam sektor automotif. MS ini menyatakan keperluan dan garis panduan prosedur ujian kenderaan diesel PME termasuk ujian makmal dan kenderaan atas jalan. Matlamat khusus pembangunan MS ini adalah untuk menganalisis dan mengesahkan kesan penggunaan diesel PME dalam sektor automotif, khususnya berkaitan dengan pelepasan ekzos berdasarkan prestasi pengendalian kenderaan. Inisiatif ini akan melengkapkan pendekatan strategik Kerajaan ke arah perlindungan alam sekitar melalui mobiliti karbon rendah dan penggunaan tinggi diesel PME yang menyokong agenda pembangunan yang mampan.

Senarai dokumen MS yang diluluskan terdiri daripada 4 MS baharu, 9 MS yang disemak, 2 MS yang dipinda secara teknikal serta pengeluaran 60 MS tanpa penggantian. Pembangunan MS tersebut telah mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan yang diwakili di jawatankuasa pembangunan standard termasuk orang awam melalui proses ulasan umum di mana tiada bantahan diterima dalam masa 60 hari.

Dokumen MS dibangunkan bertujuan bagi meningkatkan keselamatan, kualiti, perlindungan alam sekitar serta kesejahteraan awam. Standard ini telah disahkan dalam laman web JSM untuk maklumat umum. Sehingga kini JSM telah membangunkan kumulatif 4799 dokumen MS dan boleh didapati di <https://mysol.jsm.gov.my/>.

-TAMAT-

Jabatan Standard Malaysia

Mengenai Jabatan Standard Malaysia

Jabatan Standard Malaysia ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), ditubuhkan pada 28 Ogos 1996. Jabatan Standard Malaysia ialah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan mempromosikan Standard Malaysia (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal ujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan. Fokus utama perkhidmatan kami adalah untuk membangunkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui penyeragaman dan aktiviti akreditasi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.jsm.gov.my, Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS_MY dan Instagram: standards_my

Unit Komunikasi Strategik

Jabatan Standard Malaysia

Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)

Tel.: 03-8008 2891 Fax: 03-8008 2901

Emel: noor_hidayah@jsm.gov.my